

21 MAR 1996

Behrang (Fokus berita bergambar)
BERMULANYA ERA BARU DI BEHRANG ULU

Oleh: Hafizah Kamaruddin

TANJUNG MALIM, 21 Mac (Bernama) -- Penduduk Behrang Ulu semakin merasai perubahan yang bakal berlaku. Kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di situ Sabtu ini menambahkan lagi keyakinan mereka.

Terletak 6 km dari sini, Behrang Ulu akan melangkah ke dunia industri berat iaitu pembuatan kereta apabila Perdana Menteri menyempurnakan upacara memecah tanah untuk pembinaan kilang kedua Proton di situ.

Ia merupakan detik permulaan kawasan pertanian yang mempunyai kira-kira 1,000 petani itu bertukar wajah menjadi sebuah "bandar Proton" (Proton City). Projek bandar bersepadu itu dijangka menelan belanja RM4,000 juta yang sekaligus menyediakan pelbagai peluang pekerjaan dan perniagaan.

Infrastruktur kawasan itu akan dipertingkatkan dengan pembinaan lebuh raya antara Slim River dan Teluk Intan bagi menghubungkan kawasan itu dengan Lebuh raya Pantai Barat di samping kemudahan bekalan elektrik, air dan telekomunikasi.

Bagi penduduk empat kampung tradisi di situ dan juga kawasan sekitar, mereka menganggap projek itu sebagai suatu rahmat terutama bagi generasi muda mereka.

"Anak muda kampung sekarang lebih gemar bekerja kilang di Selangor atau di Kuala Lumpur. Mungkin mereka akan balik semula ke kampung apabila wujudnya kilang Proton ini nanti," kata Ketua Kampung Sungai Sekiah, Haji Ramli Mohd Noor.

Ramli, 76, berkata kebanyakan penduduk kampung itu bergantung kepada kegiatan pertanian sebagai penoreh getah, pencari buluh ataupun bekerja sendiri.

"Bekerja di tempat sendiri dapat menjimatkan belanja tanpa perlu menyewa rumah dan orang tua mereka juga tidak lagi perlu ditinggalkan kesepian di kampung," katanya.

Buat masa ini, tajuk perbualan di kedai-kedai kopi tidak lari daripada soal wang ringgit ekoran peningkatan nilai tanah.

Harga bagi 0.4 hektar tanah yang dulunya tidak sampai RM20,000 kini melambung hingga melebihi RM100,000.

Masyarakat Orang Asli di situ juga turut bergembira. Sibaru a/k Cikap, 55, dari Kampung Orang Asli Chinggung berkata kebanyakan daripada 200 penduduk kampung itu kini bekerja di kebun orkid milik pengusaha Jepun dekat situ.

Beliau berharap agar projek resort Diamond Creeks bernilai RM1,000 juta yang akan dimajukan di kawasan itu mengubah kehidupan mereka.

Peniaga kedai runcit R. Moorthy, 39, pula merancang memperbesarkan perniagaannya selaras dengan lonjakan ekonomi yang bakal berlaku di situ.

Malah beliau telah menyiapkan rancangan untuk meraih limpahan daripada pembangunan projek bandar itu yang pada masa ini hanya bergantung kepada penduduk Kampung Behrang Baru dan beberapa kampung tradisi yang berhampiran.

Puan Zainab Abdullah, 52, yang menguruskan perniagaan kedai makan sudah mulai merasakan pertambahan pelanggan walaupun projek bandar Proton belum lagi bermula.

Kedudukan kedai itu yang strategik di persimpangan jalan masuk ke Behrang Ulu telah memberinya "kelebihan" untuk menarik lebih ramai pelanggan ke kedainya yang baru dibina sejak lima tahun lepas.

Yong Mok Soong, 30, yang satu-satunya mekanik motor di Kg Behrang Baru, kampung yang paling hampir dengan projek itu, juga berharap akan dapat

memperbesar perniagaan apabila bertambahnya pelanggan.

"Pelanggan saya tidak begitu ramai, kadang-kadang ada dan kadang-kadang tidak ada," katanya.

Bagaimanapun bagi 476 peneroka Felda Sungai Behrang, mereka sejak awal-awal lagi sudah bersedia dengan menubuhkan Syarikat Behrang Development Sdn Bhd (SBDSB) bagi membangunkan kawasan mereka seluas 2,231 hektar sebagai taman perindustrian bersepadu.

Syarikat mereka yang diuruskan oleh Corporate Line (M) Sdb Bhd sedang bekerjasama dengan dua syarikat gergasi Jepun iaitu Nissho Iwai Corporation dan Hazama Corporation untuk mendapatkan pelabur Jepun melabur dalam projek itu.

Pada masa ini, persekitaran kampung masih aman dan damai dengan kehijauan dusun durian, ladang kelapa sawit, kebun getah dan dusun buah-buahan. Mungkinkah semua ini akan kekal apabila terbinanya bandar Proton yang mahu menandingi kehebatan Bandar Toyota di Jepun?. -- BERNAMA

HK MAI